



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**POTENSI TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA  
PRODUK AGROMAKANAN @MIHAS 2022**

**KUALA LUMPUR, 8 Sept 2022** : Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyertai Expo MIHAS 2022 berlangsung selama 4 hari di MITEC bagi tujuan memperkukuh ruang pasaran eksport usahawan PKS bimbingan MAFI ke pasaran luar negara, selain peluang meneroka perdagangan ke lebih 42 buah negara yang terlibat dalam ekspo edisi 2022.

Menurut Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina Abdul Hamid, untuk edisi MIHAS 2022, MAFI melalui usahawan bimbingan dibawahnya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), dan Bio Economy Corporation (BEC) telah menghantar penyertaan sebanyak 20 buah syarikat dengan tambahan tiga pempamer iaitu daripada AgroBazaar Online, MARDI dan juga NAFAS.

Penglibatan kali ini bertujuan menggalakkan usahawan PKS Malaysia untuk menceburi bidang pengeksportan yang memiliki potensi pasaran yang lebih luas, selain menguar-uarkan peranan MAFI dalam membangunkan ruang pasaran eksport bagi produk agromakanan negara.

Haslina ketika melancarkan Pavilion MAFI @MIHAS 2022 berkata, MAFI berperanan dalam menyediakan peluang penerokaan produk ke pasaran luar negara kepada usahawan melalui bimbingan agensi dibawahnya, berhubung dengan tatacara pengeksportan produk agro-makanan ke luar negara, pemilihan produk yang berpotensi untuk dipasarkan ke luar negara, selain memastikan produk usahawan memenuhi syarat-syarat kemasukan produk ke negara yang berkaitan dan berkerjasama bersama penganjur bagi mengatur sesi padanan perniagaan di antara usahawan Malaysia dengan pengimport, pasaraya ataupun *outlet* peruncitan yang berkaitan.

Tambahnya, dalam usaha meneroka pasaran luar negara MAFI juga turut menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan eksport kepada usahawan PKS atau bakal pengeksport, menyediakan platform bagi penerokaan, pengukuhan dan peluasan ruang pasaran eksport bagi produk agromakanan. Selain itu MAFI turut menyediakan geran naiktaraf pembungkusan dan logistik eksport bagi membantu usahawan agromakanan tempatan merealisasikan tempahan eksport yang di terima mereka.

Di majlis sama beliau turut melancarkan produk baharu daripada Syarikat Nuha Foods Sdn Bhd. Syarikat ini ditubuhkan pada 2014, bermula dari rumah dan kini beroperasi di Melaka Halal Hub telah berjaya menembusi pasaran luar negara seperti Jepun, Singapura dan beberapa negara arab seperti Qatar, Kuwait dan Arab Saudi.

Turut dilancarkan adalah produk terbaru Agri Dagang Sdn Bhd iaitu stok ikan bilis dan ayam dalam bentuk kiub dan juga serbuk. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2017 merupakan sebuah syarikat pengeluar bahan masakan berasaskan rempah ratus.

MIHAS edisi 2022 melibatkan penyertaan sebanyak 549 syarikat daripada 42 buah negara. Seramai 17,000 pengunjung dalam sektor perdagangan dan keusahawanan dijangka menghadiri expo ini, dengan anggaran jualan sebanyak RM 1.24 billion ringgit.

Antara negara yang terlibat adalah seperti Indonesia, China, Filipina, Korea Selatan, Thailand dan lain-lain. Kategori produk yang dipamerkan adalah terdiri daripada teknologi makanan, e-perdagangan, makanan dan minuman, kosmetik dan produk penjagaan diri.

Expo Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) merupakan penganjuran kali ke-18 pameran perdagangan dan pengguna tahunan yang dianjurkan oleh Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) khusus untuk mempromosikan produk keluaran Halal Malaysia ke peringkat antarabangsa dan dibuka secara fizikal buat pertama kalinya selepas pandemik Covid-19.

Secara keseluruhan, sebanyak lebih 150 sku produk usahawan MAFI terlibat di ekspo ini yang terdiri daripada produk agromakanan, produk kesihatan dan aplikasi e-dagang. Antara produk yang diberi fokus dan bakal mendapat permintaan tinggi semasa MIHAS ini adalah biskut tinggi fiber, minuman sarang burung, kapsul kesihatan, biskut coklat oat, seri kaya madu gula melaka dan sebagainya.

MAFI komited dalam memastikan kolaborasi strategik awam-swasta akan menjadi usaha berterusan kerajaan melalui kementerian ini untuk memperkukuh jenama produk tempatan bagi memastikan lebih banyak produk agromakanan menembusi pasaran antarabangsa sekaligus menjadikan sektor pertanian dan agromakanan sebagai salah satu jentera utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**8 SEPTEMBER 2022**